



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

**PENGAJIAN STRUKTUR BAHASA FILEM DENGAN  
MERUJUK KEPADA TEORI SYNTAGMA**

Yusmaliza Binti Yusof

N  
72  
L36  
Y95  
2006

Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Sinematografi)  
2006

b 11303098

Pusat Khidmat Maklumat Akademik  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK  
94300 Kota Samarahan

P.KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK  
UNIMAS



1000166725

**PENGAJIAN STRUKTUR BAHASA FILEM DENGAN MERUJUK KEPADA  
TEORI SYNTAGMA**

**YUSMALIZA BINTI YUSOF**

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Sinematografi)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK  
2006

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS / LAPORAN

JUDUL: PENGAJIAN STRUKTUR BAHASA FILEM DENGAN  
MERUJUK KEPADA TEORI SYNTAGMA

SESI PENGAJIAN : 2003/2006

Saya YUSMALIZA BINTI YUSOF

Mengaku membenarkan tesis/Laporan\* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis/Laporan adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis/laporan ini sebagai pertukaran bahan antara institusi pengajian tinggi
5. \*sila tandakan

SULIT

(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD


(Mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh Organisasi/badan dimana di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

  
Tandatangan Penulis

Tarikh: 05/06/06

Disahkan

  
Tandatangan Penyelia


Tarikh: 07/06/06

Alamat Tetap:  
KG. PANGKAL BERANGAN,  
18500 MACHANG,  
KELANTAN.

Catatan: \*Tesis/Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda  
\*Jika Tesis/Laporan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/ organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis/laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD

Projek bertajuk 'Alley' telah disediakan oleh **Yusmaliza binti Yusof** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian Sinematografi.

Diterima untuk diperiksa oleh :


  
\_\_\_\_\_  
( En. Gregory Wee Lik Hoo )

Tarikh :

07/06/06  
\_\_\_\_\_

## PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa tiada bahagian dalam penyelidikan ini telah digunakan sebagai bahan sokongan untuk sesuatu ijazah atau kelulusan samada kepada universiti ini atau institusi pengajian tinggi yang lain.



( YUSMALIZA BINTI YUSOF )

No. Matrik : 11243

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ

Terlebih dahulu syukur Alhamdulillah kehadiran Illahi, di atas kehendak-NYA. Setelah mengharungi perit dan getir serta iltizam yang tinggi akhirnya saya dapat menyiapkan penulisan tesis ini dan berjaya menghasilkan sebuah projek video pendek yang bertajuk "ALLEY".

Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada ayahanda yang dikasihi, En. Yusof Bin Husin dan bonda tersayang, Pn. Normawati Binti Wahab diatas sokongan moral yang telah mereka berikan kepada anakanda. Tidak lupa juga kepada adik – adik yang dirindui selalu, Yusmazeda, Mohd Ariff, Yusmazila dan Yusmazira serta ahli keluarga yang lain yang banyak memberi sokongan padu kepada saya.

Setinggi-tinggi jutaan terima kasih juga buat Y.Bhg. Prof. Madya Mohd Fadzil Abdul Rahman (Dekan Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif), pensyarah – pensyarah yang tidak jemu – jemu memberi tunjuk ajar iaitu En. Gregory Wee Lik Ho, En. Abdul Riezal Dim, En. Mohd Fazmi Hisham, Pn. Candida Jau Emang, dan Cik Teo Miaw Lee. Tidak lupa juga kepada juru teknikal kami, En. Razak, pensyarah-pensyarah dari program lain dan tidak lupa juga kepada staf-staf FSGK, ribuan terima kasih saya ucapkan.

Kepada rakan – rakan seperjuangan, pelajar – pelajar Sinematografi tahun satu, dua, dan terutama sekali tahun tiga, serta pelakon dan juga krew yang terlibat, jutaan terima kasih diucapkan di atas kerjasama yang diberikan.

Sekian, terima kasih diucapkan. Wassalam.

**ISI KANDUNGAN**

**HALAMAN**

<b>PENGESAHAN</b>		i
<b>PENGAKUAN</b>		iii
<b>PENGHARGAAN</b>		iv
<b>ISI KANDUNGAN</b>		v
<b>ABSTRAK</b>		vii
<b>ABSTRACT</b>		viii
<b>BAB 1</b>	<b>Pengenalan</b>	
	1.1 Latarbelakang Kajian	1-2
	1.2 Kenyataan Masalah	2-4
	1.3 Objektif Kajian	4
	1.4 Metodologi Kajian	5
	1.5 Kesimpulan	6
<b>BAB 2</b>	<b>Cine – Semiotik</b>	
	2.1 Bahasa Filem – Pengenalan	7-8
	2.2 Unit – unit Minimal	9-10
	2.3 Syntagma	10-12
	2.4 Kesimpulan	12
<b>BAB 3</b>	<b>Analisis Filem</b>	
	3.1 Pengenalan	13
	3.2 Filem – filem yang Berkaitan	14
	3.2.1 Filem Boogeyman	14-15
	3.2.2 Filem War of The World	16
	3.2.3 Filem Run Lola Run	16-18
	3.3 Kesimpulan	19

**BAB 4      **Projek Akhir****

<b>4.1</b>	<b>Pengenalan</b>	<b>20</b>
<b>4.2</b>	<b>Sinopsis</b>	<b>21-23</b>
<b>4.3</b>	<b>Konsep projek</b>	<b>23</b>
<b>4.4</b>	<b>Analisis projek</b>	<b>24-25</b>
<b>4.6</b>	<b>Kesimpulan</b>	<b>26</b>

**Bibliografi**



## ABSTRAK

Pengkajian ini adalah untuk mengkaji struktur bahasa filem dengan merujuk kepada teori syntagma. Kajian ini melihat persamaan antara struktur bahasa dengan filem dan bagaimana kedua-duanya mempunyai hubungan syntagma dengan melihat kepada teori tersebut, iaitu istilah yang digunakan oleh Christian Metz. Di dalam bahasa, terdapat fonem dan morfem yang digabungkan untuk menghasilkan sesuatu ayat. Manakala, bagi filem, imej dan bunyi digabungkan untuk menghasilkan syntagma. Jika dibandingkan, kedua-duanya mempunyai sedikit persamaan.

## ABSTRACT

This research is about the structure of film language according to the syntagmas theory. This research looking at the similarities within the language structure with the film and how the relations both of them through that theories, the terms that used by Christian Metz. In language, fonem and morfem are combine to make a sentence. Then, in film, image and sound will be merge to create syntagmas. If both will be compared, both of them have a little similarities.

## BAB 1

### Pengenalan

#### 1.1 Latarbelakang Kajian

Kajian ini adalah berkaitan dengan pengkajian struktur bahasa filem yang merujuk kepada teori syntagma. Dalam bahasa, semiotik merangkumi dua perkara utama yang memberi maksud tersendiri iaitu paradigma dan syntagma. Syntagma merupakan suatu bahasa biasa yang mana sesuatu ayat adalah perkataan-perkataan syntagma. Di dalam bahasa, fonem dan morfem digabungkan untuk menghasilkan sesuatu ayat. Tetapi, di dalam filem, imej dan bunyi digabungkan untuk menghasilkan syntagma dan merupakan perhubungan antara satu shot dengan frame-frame yang lain yang mendahului atau mengikutinya.

Sama seperti sesuatu ayat dalam perkataan, filem terdiri daripada shot-shot yang disusun dalam sesebuah cerita. Apabila shot-shot disusun secara berlainan, shot tersebut akan membawa maksud yang berlainan. Oleh yang demikian, kajian ini akan mengkaji bahasa filem yang berkaitan dengan syntagma.

Terdapat pelbagai teori yang mengkaji tentang bahasa filem ini dan bersetuju bahawa filem boleh dikaji dengan cara yang sama dengan linguistik

bahasa. Ini mendatangkan masalah apabila terdapat teori-teori daripada pengkaji-pengkaji yang bercanggahan dengan mengatakan filem tidak boleh dikaji sama dengan bahasa, seperti Peter Wollen dan Gregory Currie. Tetapi pada dasarnya, kajian ini adalah berdasarkan kepada teori Christian Metz secara menyeluruh. Oleh itu, kajian ini mengkaji tentang bahasa filem yang boleh difahami dan dikaji melalui bahan-bahan seperti buku atau artikel-artikel yang berkaitan bagi memudahkan pengkajian filem yang boleh dikatakan sebagai bahasa visual.

## 1.2 Kenyataan Masalah

Daripada teori Metz secara menyeluruh, beliau bersetuju bahawa bahasa boleh disamakan dengan filem. Metz percaya bahawa linguistik terdorong kepada sinema dan mencadangkan sesuatu yang tersurat harus dipelajari dahulu sebelum yang tersirat. Menurut beliau, yang tersurat adalah perkara asas dalam material sinema. Sesuatu yang tersirat adalah imej – imej yang membentuk cerita. Metz juga percaya bahawa unit yang kecil dalam sinema adalah sama dengan ayat atau perenggan. Fakta ini membuatkan beliau membandingkan shot dan perkataan, di mana menerangkan hubungan yang kuat dengan bahasa semiotik.

Walau bagaimanapun, apa yang menjadi masalah adalah terdapatnya pengkaji – pengkaji lain yang membangkang teori Metz tersebut. Antaranya adalah Peter Wollen dan Gregory Currie. Peter Wollen misalnya, menolak

cadangan Metz iaitu tujuan semiotik dalam sinema adalah untuk mempelajari susunan dan fungsi yang menunjukkan unit utama digunakan dalam mesej filem. Wollen mengatakan bahawa sinema mempunyai kedua-dua maksud dan kepentingan tetapi ia tidak membawa mesej, sebaliknya bahasa yang biasanya menggunakan mesej untuk berhubung. Metz mengatakan bahasa dalam semiotik boleh menjadi semiotik dalam sinema. Tetapi Wollen mengatakan kekuatan filem adalah berbeza daripada kekuatan linguistik.

Ahli teori yang lain, Gregory Currie bercanggahan dengan Christian Metz dan Peter Wollen. Currie berpendapat, bahasa sinema atau filem hanya digunakan dalam satu medium iaitu penglihatan, dimana bahasa boleh dilihat, didengar dan disentuh. Walaupun beliau menolak pendapat bahawa sinema sama dengan bahasa, beliau bersetuju bahasa filem sebagai bentuk perhubungan. Currie mengatakan bahawa tidak ada unit kecil yang bermakna dalam filem. Baginya, tidak ada tindak balas antara dua shot dan dengan itu shot-shot tidak mengandungi bahasa. Beliau tidak percaya imej boleh dimasukkan dalam ayat seperti struktur kerana ia tidak mempunyai *grammar*.

Daripada perbincangan di atas, masih ada persoalan-persoalan yang timbul sama ada struktur bahasa ( linguistik ) boleh disamakan dengan struktur filem ataupun tidak. Persoalan-persoalan yang wujud adalah:

- 1) Adakah filem mempunyai persamaan dengan bahasa?
- 2) Adakah filem mempunyai tatabahasa atau *grammar*?

3) Bagaimana teori syntagma ini dapat dilihat dan dikaji dalam filem?

Dengan persoalan – persoalan yang timbul, kajian ini lebih tertumpu kepada struktur bahasa filem dengan melihat kepada teori syntagma. Daripada apa yang diperhatikan, struktur filem boleh disamakan dengan struktur bahasa.

### 1.3 Objektif Kajian

Dalam pengkajian ini, objektif utama adalah untuk mengkaji semula struktur bahasa filem ini, adakah bahasa filem boleh dikaji dengan cara yang sama dengan bahasa (linguistik) dengan melihat teori syntagma. Kajian ini lebih kepada Christian Metz daripada pengkaji – pengkaji yang membangkang. Dengan melihat teori Metz, beliau bersetuju bahawa filem sama dengan bahasa. Pelbagai jenis syntagma terkandung di dalamnya. Ia bergantung kepada bagaimana susunan shot itu sendiri seperti bahasa untuk menghasilkan suatu cerita.

Pengkajian ini serba sedikit akan menjawab setiap persoalan-persoalan yang wujud daripada teori-teori pengkaji yang bercanggahan pendapat seperti Christian Metz, Peter Wollen dan Gregory Currie.

#### 1.4 Metodologi Kajian

Dalam pengkajian ini, pelbagai kaedah perlu dititikberatkan dalam mengkaji bahasa filem ini. Pertama sekali adalah dengan memahami konsep atau teori syntagma dengan merujuk buku-buku dan artikel-artikel yang berkaitan seperti buku *Film Theory Volume 1 Critical concepts in media and cultural studies*, *The Major Film Theories an introduction*, dan juga buku *New Vocabulary in Film Semiotics*. Buku ini mempunyai banyak teori terutamanya teori Christian Metz dan sebagainya. Selain itu juga, memahami teori ini daripada artikel sokongan yang mempunyai teori yang bercanggah dan menyokong bertajuk, “Tracing the evolution of Christian Metz’s thoughts on codes in the cinema, “Do we learn to ‘read’ television and film and do televisual and filmic codes constitute a ‘language’?” oleh Rikke Bjerg Jensen, artikel bertajuk “Semiotics For Beginners – Paradigms and Syntagma” oleh Daniel Chandler serta “Hypertext syntagmas: cinematic narration with links syntagmatic chains” oleh Adrian Miles.

Selain itu, kaedah lain adalah dengan menganalisa filem-filem yang berkaitan untuk memudahkan lagi pemahaman dalam pengkajian teori syntagma ini. Antara filem yang perlu dikaji adalah filem *Boogeyman*, *War of The World* dan juga *Run Lola Run*. Akhir sekali adalah dengan menghasilkan sebuah cerita pendek untuk mengaplikasikan teori syntagma ini.

## 1.5 Kesimpulan

Kajian yang menyeluruh akan disentuh dalam bab yang seterusnya. Skop pengkajian yang ditekankan adalah mengenai teori syntagma berdasarkan kepada teori Christian Metz. Pemahaman yang lebih terperinci amat perlu untuk menganalisa skop dan konsep pengkajian ini melalui metodologi yang telah dinyatakan. Pengkajian yang lebih mendalam memungkinkan setiap persoalan akan terjawab mengenai struktur bahasa filem ini dan memudahkan pengkaji untuk mengaplikasikan teori syntagma yang dikaji.



## BAB 2

### Cine – semiotik

#### 2.1 Bahasa Filem – Pengenalan

Istilah Semiotik telah diwujudkan oleh dua orang ahli falsafah iaitu Charles Sanders Peirce ( 1839 – 1914 ) dan juga Swiss linguist Ferdinand de Saussure ( 1857 – 1913 ). Saussure telah mencipta satu istilah sains iaitu semiology dan Pierce pula telah mencipta istilah semiotik. Menurut Saussure dalam buku *Course in General Linguistics* ( 1915 ), beliau memberi takrifan berkenaan dengan semiology.

*A science that studies the life of signs within society is conceivable; it would be a part of social psychology and consequently of general psychology; I shall call it semiology ( from Greek semeion 'sign' ). Semiology would show what constitutes signs, what laws govern them. Since the science does not yet exist, no one can say what it would be; but it has a right to existence, a place staked out in advance.*

( Saussure 1966 : 16 )

Bagi Saussure, bahasa hanyalah satu daripada sistem – sistem semiology, tetapi ianya mempunyai peranan yang sangat istimewa bukan hanya rumit dan umum bagi semua sistem pengucapan. ( Saussure 1966 : 68 )

Analogi di antara bahasa dan filem adalah dibangunkan oleh golongan formalis Rusia dengan cara yang lebih sistematik seperti Eikhenbaum. Menurut pendapat Eikhenbaum, beliau melihat filem dalam hubungan kepada *inner speech* dan juga *image translation of linguistic tropes*. Menurut beliau, “ *The cinema is a particular system of figurative language, stylistics of which would treat filmic “syntax”, the linkage of shots into “phrases” and “sentences”*”.

Selepas kerja – kerja pengkajian yang dilakukan oleh ahli – ahli formalis Rusia, fahaman mengenai bahasa filem ini diteruskan oleh penteor – penteor yang lain. Berikutan dengan kemunculan struktur dan semiotik dalam tahun 1960, konsep bahasa filem ini diteroka oleh penteor – penteor seperti Umberto Eco, Roland Barthes, Pier Paolo Pasolini dan juga Christian Metz.

## 2.2 Unit – Unit Minimal

Menurut ahli – ahli bahasa dalam semiotik, pengucapan ( articulation ) merujuk kepada sebarang bentuk pengucapan dalam organisasi semiotik yang mana menyebabkan gabungan unit – unit yang jelas. Pengucapan terbahagi kepada dua iaitu morfem dan fonem. Dalam bahasa, fonem dan morfem digabungkan untuk membentuk ayat. Morfem adalah unit – unit yang penting atau unit – unit makna. Manakala fonem adalah unit – unit yang tersendiri tentang bunyi. Unit – unit ini kemudiannya digabungkan kepada bahagian – bahagian bentuk unit yang terbesar, contohnya fonem boleh menjadi sebahagian daripada sukukata dan morfem boleh menjadi sebahagian daripada ayat.

Pier Paolo Pasolini dalam bukunya, “The Cinema of Poetry”, bersetuju bahawa unit – unit minimal dalam bahasa filem adalah beberapa objek yang menduduki frame. Beliau menggelarkan unit – unit minimal ini *Cinemes* dengan analogi bersama fonem. *Cinemes* ini kemudiannya digabungkan ke dalam unit terbesar iaitu frame yang mana sejajar dengan morfem dalam bahasa. ( Pasolini, in Nichols 1985, vol. 1 : 542 – 8 ).

Tetapi, Umberto Eco dalam satu kenyataan dalam “ Articulations of the Cinematic Code ” mengkritik pendapat Pasolini. Eco bersetuju bahawa unit – unit minimal adalah tidak sama dengan linguistik fonem. Eco berpendapat istilah “ *cenemes* ” oleh Pasolini menyimpan unit – unit makna istilah itu sendiri, ia tidak

bergantung kepada fonem untuk menghasilkan perbezaan makna. Eco mencadangkan satu kod sinematik yang dipanggil *semes*. Contohnya “ *gangster wearing trench coat* ” ( Eco, in Nichols 1985, vol. I : 590 – 607 ).

### 2.3 Syntagma

Dalam bahasa, semiotik merangkumi dua perkara utama yang memberi maksud tersendiri iaitu paradigma dan syntagma. Paradigma adalah berkaitan dengan apa yang boleh dijadikan pengganti dalam mana – mana istilah dan lokasi. Ia merujuk kepada peraturan dan kombinasi – kombinasi utama melingkungi istilah – istilah pengganti. Dalam filem, paradigma termasuk dalam cara – cara pertukaran shot seperti *cut*, *fade*, *dissolve* dan *wipe*. Manakala syntagma merujuk kepada peraturan kombinasi atau penggabungan yang menyediakan ayat – ayat yang berurutan atau perhubungan antara satu shot dengan frame – frame yang lain yang mengikutinya. Paradigma dan syntagma bergerak dalam satu gabungan supaya ayat mempunyai bentuk syntagma yang khusus.

Dengan pergerakan daripada satu imej kepada dua, filem menjadi bahasa. Bahasa menggabungkan fonem dan morfem untuk membentuk ayat, manakala filem menggabungkan imej dan bunyi untuk membentuk syntagma, contohnya unit – unit naratif autonomi dalam mana – mana unsur yang bertindak balas dengan makna. Syntagma wujud dengan menghubungkan tanda – tanda daripada

set – set paradigma yang mana telah dipilih pada dasarnya sama ada ianya dianggap biasa atau mungkin memerlukan peraturan sistem ( grammar ).

Menurut teori Metz, filem diperbuat daripada siri – siri rangkaian minimal yang mana dipanggil syntagma. Contohnya

“ ....a series of different views of a house...might constitute what Metz calls a descriptive syntagma’ – showing what the house is like and not presenting an event unfolding in time ” ( Braudy 1998; 92 ).

Dengan cara ini, syntagma boleh dikenalpasti pada asas montaj dan bagaimana montaj itu diletakkan bersama. Christian Metz menggunakan perkataan syntagma sebagai satu istilah umum untuk menandakan unit – unit naratif, mengikut mana – mana shot yang boleh dikumpulkan dan mempunyai *sequence* serta *scene* untuk menandakan jenis – jenis syntagma. Syntagma mempunyai lapan jenis kesemuanya

Jenis syntagma yang pertama adalah Autonomous Shot. Ia terdiri daripada satu shot yang jelas terpisah tanpa menutup hubungan dengan shot – shot yang berhampiran dengannya. Autonomous Shot ini terbahagi kepada dua iaitu Single shot sequence dan juga Insert. Di bawah Insert dibahagikan kepada empat bahagian iaitu Non – diegetic insert ( single shot presents objects exterior to the fictional world of the fiction ), Displaced diegetic insert ( “real” diegetic images

but temporally or spatially out of context ), Subjective insert ( memories, fears ) dan juga Explanatory insert ( single shot which clarify events for the spactator ).

Jenis yang kedua adalah Parallel Syntagma ( cross – cutting yang menghasilkan tajuk utama / simbolik parallel atau kontras ). Kemudiannya adalah Bracket Syntagma iaitu siri – siri shot mengikut susunan konsep, Descriptive Syntagma iaitu siri – siri shot yang mencadangkan ruang – ruang yang wujud (coexistence) misalnya untuk meletakkan aksi. Seterusnya adalah Altenating Syntagma iaitu cross – cutting yang melambangkan pergerakan, Scene iaitu siri – siri shot dari segi ruang dan berterusan, Episodic Sequence yang merupakan satu rumusan simbolik yang menyifatkan perkembangan mengikut urutan waktu, dan akhir sekali Ordinary Sequence iaitu siri – siri shot yang memperlakukan aksi dengan tidak memasukkan kata – kata dan juga sebagai sorotan peristiwa penting.

#### 2.4 Kesimpulan

Dalam bab ini dapat dilihat apakah unit – unit minimal yang terdapat dalam teori syntagma dan juga dapat mengenali pelbagai jenis syntagma yang merangkuminya. Beberapa jenis syntagma yang dirasakan perlu akan diaplikasikan dalam projek akhir dan akan disingkap dalam bab 4 ini.

## BAB 3

### Analisis Filem

#### 3.1 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji telah menganalisa pelbagai buah filem yang berkaitan dengan pengkajian struktur bahasa filem dengan melihat kepada teori syntagma. Analisa filem yang telah dibuat tertumpu kepada susunan – susunan shot, serta gabungan pelbagai jenis syntagma dalam filem – filem yang dikaji. Kajian mendapati banyak perubahan yang telah berlaku antara filem klasikal dengan filem sekarang. Perubahan yang berlaku adalah akibat daripada bahasa filem yang berkembang dari semasa ke semasa ekoran daripada pembangunan dan fikiran manusia. Mereka mampu mengubah atau menambah segala yang berkaitan dengan filem kerana tiada larangan yang boleh menghalang seseorang itu untuk melanggar peraturan dalam struktur filem seperti juga dengan bahasa. Perubahan – perubahan yang dilihat adalah dari segi penyuntingan dan juga pergerakan kamera, yang mana shot – shot telah digabungkan dan membentuk *sequence* dan *scene* yang menghasilkan jenis – jenis syntagma yang spesifik.

### 3.2 Filem – filem yang berkaitan

Menurut Christian Metz, filem diperbuat daripada siri – siri rangkaian minimal yang dipanggil syntagma. Dalam syntagma, pelbagai cara yang boleh dilakukan untuk menyusun masa dan ruang melalui suntingan dalam naratif filem. Sepertimana yang telah diterangkan dalam bab dua, syntagma mempunyai lapan jenis kesemuanya. Kesemua jenis syntagma ini terdapat dalam pelbagai jenis filem terutamanya dalam filem – filem seram, kejam dan aksi yang dilakukan melalui penyuntingan. Setelah dianalisa, terdapat beberapa jenis syntagma yang dikaji dalam beberapa buah filem seperti berikut.

#### 3.2.1 Filem *Boogeyman*

Berikutan dengan itu, analisa terhadap filem – filem yang berkaitan dengan teori syntagma telah dibuat. Seiring dengan perkembangan filem yang semakin meningkat, pelbagai pembaharuan yang telah dilakukan terutamanya dalam bentuk penyuntingan untuk menghasilkan sesuatu naratif filem yang menarik dan tidak membosankan. Analisa yang telah dibuat mendapati, filem seram barat yang bertajuk *Boogeyman* arahan Stephen Kay mempunyai beberapa jenis syntagma melalui penyuntingannya. Filem ini mengandungi *descriptive syntagma*, yang menunjukkan shot – shot atau imej – imej yang menunjukkan atau menghuraikan sesuatu keadaan atau ruang yang wujud. Dalam filem ini,